

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : PERASMIAN SEMINAR PENYUSUAN IBU
Lokasi : HOTEL K.L. INTERNATIONAL, KUALA LUMPUR
Tarikh : 16-09-1984

Dif-Dif Kehormat, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam bahagia.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah rahmatNya telah mengizinkan saya untuk hadir di majlis pada hari ini. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur Seminar ini, iaitu Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita (HELWA) , Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dengan kerjasama Persatuan Pengguna Pulau Pinang kerana menjemput saya memberi ucapan alu-aluan dan seterusnya merasmikan Seminar ini.

2. Seminar Penyusuan Ibu ini mengingatkan kita kepada fungsi dan peranan wanita sebagai penjaga dan pendidik anak-anak. Sesungguhnya generasi yang akan datang bergantung kepada ibu-ibu generasi sekarang untuk menentukan corak pembinaan anak-anak yang mereka inginkan. Di antara pelbagai faktor yang mempengaruhi kaum ibu dan anaknya dalam pendidikan dan penjagaan mereka ialah proses penyusuan anak- anak. Justeru itu adalah wajar sekali isu yang sebegitu penting dibahas dan dibincangkan dalam Seminar yang penuh bermakna pada hari ini terutama sekali untuk melihat berbagai perspektif daripada penyusuan ibu.

Puan-puan dan saudari-saudari peserta Seminar,

3. Proses permodenan dalam masyarakat serta penemuan-penemuan baru dalam berbagai bidang telah merubah bentuk dan corak kehidupan masyarakat dunia. Adalah diakui bahawa perkembangan-perkembangan teknologi ini telah memberi manfaat serta mempertingkatkan kualiti kehidupan manusia.

Namun begitu adalah disedari juga ianya mendatangkan berbagai-bagai kesan sampingan. Banyak contoh boleh dikemukakan di sini tetapi biarlah saya membicarakan soal yang berkaitan dengan Seminar hari ini. Kemajuan dalam teknologi makanan dan pemakanan telah mendorong manusia untuk membuat susu tiruan dengan menggunakan susu lembu sebagai asasnya. Dalam masa yang sama hasil dorongan perkembangan pembangunan yang bertambah pesat serta sistem pendidikan yang meluas dan berkembang, telah meningkatkan bilangan wanita-wanita yang berpendidikan serta bekerja.

Dalam keadaan beginilah kaum wanita yang bekerja tetapi berkeluarga menghadapi dilema dalam hidupnya - dilema penyusuan. Kebanyakan kaum ibu kita terperangkap dalam dilema ini serta memilih langkah mudah tanpa memperhitungkan sebab musabab serta baik-buruknya secara jangka panjang terhadap tindakan mereka itu. Tidak dinafikan bahawa peranan iklan-iklan susu tiruan amat berkesan sekali dalam mendorong ibu-ibu membuat pilihan di samping kekurangan pengetahuan mereka sendiri. Justeru itu saya mengharapkan Seminar ini akan dapat meninggikan lagi pemahaman kaum ibu terhadap penyusuan ibu.

4. Perbandingan secara terperinci antara susu ibu dengan susu tiruan adalah tidak perlu saya nyatakan dalam ucapan saya ini. Namun begitu biarlah saya gariskan beberapa kebaikan utama susu ibu. Susu ibu merupakan makanan bayi yang paling sempurna, mudah didapati, mudah diberi dan paling murah. Ianya mengandungi zat-zat makanan yang sesuai untuk pembentukan bayi. Contohnya, kandungan kabohaidrat, protin dan lemaknya mencukupi bagi keperluan bayi. Ia tidak mengandungi kuman-kuman penyakit. Bahkan ia menambahkan daya ketahanan dan perlindungan melalui zat-zat istimewa dan lain-lain kandungan lagi yang boleh melawan kuman-kuman penyakit. Bayi yang menyusu ibu sangat sukar untuk mendapat penyakit ceret-beret, kembung perut dan muntah-muntah.

Ibu-ibu yang menyusukan bayi mereka akan dapat mempercepatkan pengecutan rahim. Ia juga memberhentikan pengeluaran benih buat sementara waktu dan ini merupakan cara yang natural untuk

menjarangkan anak, sekurang-kurangnya sehingga kesihatan ibu pulih seperti sediakala. Sebaliknya susu tiruan boleh menyebabkan penyakit-penyakit berjangkit yang membawa kepada ceret-beret yang membahayakan, oleh kerana bayi tidak sesuai dengan susu itu dan boleh menjadi sebab musabab kepada tingginya kadar kematian di kalangan bayi.

5. Satu perkara lagi yang perlu diambil perhatian ialah bukan semua ibu faham bagaimana membancuh susu tepung untuk bayinya itu. Kemudahan air yang bersih seringkali tidak didapati di kampung-kampung dan ini sahaja tidak akan menjamin kebersihan bancuhan susu tiruan ataupun botol dan puting botol susu yang digunakan. Perangkaan membuktikan bahawa kadar penyakit riket (yang membawa kepada lemah dan reput tulang) jauh berkurangan di kalangan bayi yang menyusu susu ibunya.

6. Sebagaimana yang saya sebutkan sebentar tadi, berbagai kebaikan terdapat pada susu ibu. Sesungguhnya ini ditegaskan lagi oleh agama Islam, seperti firman Allah Subhanahu Wataala dalam surah Al-Baqarah ayat 233 yang bermaksud: "Dan hendaklah ibu-ibu menyusukan anak-anaknya selama dua tahun penuh iaitu bagi mereka yang ingin menyempurnakan penyusuannya." Firman Allah tadi memberikan asas yang kukuh ke arah konsep penyusuan ibu dalam Islam semenjak lebih 1,400 tahun dahulu, cuma kita lalai dalam melaksanakannya. Sebagaimana kekuatan, kegagahan dikatakan hak asasi kaum lelaki begitulah kesuburan dan penyusuan bayi menjadi hak asasi kaum wanita.

7. Perlu saya tegaskan di sini bahawa Kerajaan telah berusaha sedaya upaya untuk menambahkan mutu kesihatan rakyatnya termasuklah dalam aspek kesihatan bayi, kerana bayi-bayi yang sihat mencerminkan keutuhan negara masa depan. Dengan itu juga saya yakin proses penyusuan ibu akan menjamin cita-cita negara ke arah dasar 70 juta penduduk.

8. Akhir kata, saya rasa tidak ada gambaran yang sehabis murni dan mulia seperti seorang ibu yang menyusukan bayinya.

Dengan cara memeluk bayinya rapat di badan, dan dengan mengalirnya susu daripada ibu kepada bayi, kasih sayang mengalir sama. Dengan penyusuan ibu ini semua kemahuan asas bayi disempurnakan dan memberi peluang hidup yang baik dan tertentu apabila bayi tersebut menjadi dewasa kelak.

9. Saya mengharapkan Seminar ini akan berhasil merumuskan natijah-natijah yang berguna kepada para peserta dan kaum ibu di negara ini. Saya berdoa semoga Seminar ini berjalan dengan lancar, dan dengan lafaz Bismillahir Rahmannir Rahim saya membuka Seminar ini dengan rasminya.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.